



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

1. Seperti yang dimaklumkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob semalam, mulai hari ini, Sidang Media mahupun Kenyataan Media harian berkaitan *Task Force* Operasi Pematuhan dan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta 342 di seluruh negara bagi mengawal penularan wabak COVID-19 akan diselaras dan dikeluarkan oleh pihak saya untuk satu tempoh berikutnya.
2. Selain itu, selaku Menteri Kanan Luar Negeri (Kluster Keselamatan), saya juga akan menerima serta memaklumkan laporan mengenai pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP), kawalan sempadan negara serta perkara-perkara lain daripada setiap agensi yang terlibat. Ia penting bagi memberi penjelasan kepada rakyat Malaysia tentang situasi semasa keselamatan khususnya dalam tempoh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) ketika ini.
3. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada YAB Dato' Sri Ismail Sabri sepanjang beliau melaksanakan tugas tersebut sejak 20 Mac 2020. InsyaAllah, saya akan teruskan penugasan ini dengan sebaiknya.
4. Untuk hari ini, perincian perkara-perkara bagi makluman awam dan pihak media ialah seperti berikut:



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

A. PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Tarikh Tamat PKPD |
|-----|---|------------------|-------------------|
| 1 | 11 Lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Bandar Sierra• Kampung Unggun• Kampung Kalasanan• Lorong Cina 1, 2 & 3• Kampung Tebobon• Plaza Kingfisher• Polytechnic Commercial Centre• Kampung Pulau Penampang• Bandaran Segama• Taman Bukit Setia• Taman Putera Jaya | 29 Julai 2021 | 11 Ogos 2021 |
| 2 | Lapan Lokaliti di Penampang, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Country Height Fasa 1• Cyber City Fasa 1• Kampung Nabangkung• Kampung Ramayah• Taman Vista Kiranau• Kampung Sarapung Kolopis• Vista Minitod• Kampung Tuunon | 29 Julai 2021 | 11 Ogos 2021 |
| 3 | Empat Lokaliti di Beaufort, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Kampung Lumadan• Kampung Kebulu Petani• Kampung Beaufort Selatan• Taman Arjuna | 29 Julai 2021 | 11 Ogos 2021 |
| 4. | Tiga Lokaliti di Tawau, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Kampung Blok 31• Kampung Tanjung Batu Darat• Kampung Darat Inderasabah | 29 Julai 2021 | 11 Ogos 2021 |



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

| | | | |
|-----|--|---------------|--------------|
| 5. | Perumahan Ladang Tinabau, Kinabatangan, Sabah | 29 Julai 2021 | 11 Ogos 2021 |
| 6. | Ladang Kerilla, Tanah Merah, Kelantan | 29 Julai 2021 | 11 Ogos 2021 |
| 7. | Asrama Pekerja Tapak Bina Taman Bukit Perdana, Kluang, Johor | 29 Julai 2021 | 11 Ogos 2021 |
| 8. | Kampung Pertanian & Kampung Separa, Mukim Senai, Kulai, Johor | 29 Julai 2021 | 11 Ogos 2021 |
| 9. | Tiga Lokaliti dalam Bahagian Kuching, Sarawak <ul style="list-style-type: none">• Kampung Jawa Batu 12• Kampung Bumbok• Kampung Telaga Air | 29 Julai 2021 | 11 Ogos 2021 |
| 10. | FELDA Jengka 7, Maran, Pahang | 29 Julai 2021 | 11 Ogos 2021 |

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

B. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Cadangan |
|------------|---|-------------------------|---|
| 1. | Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lintas Sibuga, Sandakan, Sabah | 15 Julai 2021 | Ditamatkan pada 28 Julai 2021 seperti yang dijadualkan |
| 2. | Kampung Telaga & Kampung Pituru, Pitas, Sabah | 15 Julai 2021 | Ditamatkan pada 28 Julai 2021 seperti yang dijadualkan |
| 3. | FELDA Jengka 8, Jerantut, Pahang | 15 Julai 2021 | Ditamatkan pada 28 Julai 2021 seperti yang dijadualkan |
| 4. | Kampung Jagoi Duyoh, Bau, Kuching, Sarawak | 15 Julai 2021 | Ditamatkan pada 28 Julai 2021 seperti yang dijadualkan |
| 5. | Taman Samudera, Mukim Batu, Gombak, Selangor | 18 Julai 2021 | Ditamatkan pada 28 Julai 2021, lebih awal dari yang dijadualkan (31 Julai 2021) |



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

C. PEMERIKSAAN OLEH PASUKAN TASK FORCE OPERASI PEMATUHAN YANG DIKETUAI POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

Semalam, **26 Julai 2021**, Pasukan *Task Force* Operasi Pematuhan dengan kekuatan **19,081** anggota telah melaksanakan **80,431** pemeriksaan dan *snap check* COVID-19 bagi memantau serta menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) di seluruh negara.

i. **Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan**

Ekoran **KEGAGALAN** mematuhi SOP, sebanyak **60** premis meliputi kilang (12), premis perniagaan (40), tapak pembinaan (8) **DIARAHKAN TUTUP** serta merta.

Maklumat am pemeriksaan pada 26 Julai 2021:

| JENIS PEMERIKSAAN | JUMLAH |
|---------------------------|--------|
| Kilang | 1,736 |
| Premis perniagaan | 15,572 |
| Tapak pembinaan | 990 |
| Asrama penempatan pekerja | 344 |

ii. **Individu**

Maklumat am pemeriksaan pada 26 Julai 2021:

| PERKARA | JUMLAH |
|--|--------|
| Jumlah individu yang dikompaun kerana ingkar SOP | 438 |
| Jumlah individu yang direman kerana ingkar SOP | 27 |



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

D. KAWALAN SEMPADAN NEGARA

i. Tangkapan terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

Semalam, **26 Julai 2021**, Operasi BENTENG (Op BENTENG) yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan agensi-agensi lain telah membuat tangkapan terhadap **14** orang PATI dan merampas **4** buah kenderaan darat.

ii. Sekatan Jalan Raya (SJR)

Semalam, **26 Julai 2021**, sebanyak **890** SJR telah dilaksanakan di seluruh negara.

Maklumat am SJR pada 26 Julai 2021:

| JENIS OPERASI | JUMLAH SJR |
|---------------------------------|------------|
| Operasi PENAWAR / SJR PKP | 836 |
| Operasi BENTENG (PDRM/ATM/RELA) | 45 |
| Operasi BENTENG AKSEM | 9 |

E. KUARANTIN WAJIB BAGI INDIVIDU YANG TIBA DARI LUAR NEGARA

| PERKARA | JUMLAH |
|--|---------|
| Jumlah individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa semalam, 26 Julai 2021 | 380 |
| Jumlah kumulatif yang telah pulang ke tanah air sejak 24 Julai 2020 | 256,907 |
| Jumlah yang masih dikuarantin di Pusat Kuarantin Wajib | 9,280 |
| Jumlah kumulatif yang dibawa ke hospital | 3,600 |
| Jumlah kumulatif yang telah dibenarkan pulang | 244,027 |

*** Kuarantin wajib dilaksanakan di 83 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.*



MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

KENYATAAN MEDIA

F. OPERASI DISINFEKSI COVID-19

| PERKARA | JUMLAH |
|---|---|
| Jumlah operasi disinfeksi semalam, 26 Julai 2021 | 204 (82 Zon Merah, 3 Zon Jingga, 1 Zon Kuning) <i>*1 zon boleh lebih daripada 1 operasi</i> |
| Jumlah kumulatif operasi disinfeksi sejak 30 Mac 2020 | 34,291 |

*** Operasi disinfeksi dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Pihak Berkuasa Tempatan di pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.*

G. BARANG KEPERLUAN ASAS

Semalam, **26 Julai 2021**, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membuat **812** pemantauan harian ke atas **11** jenis bekalan barangan terdiri daripada **peruncit (624)**, **pemborong (156)** dan **pengilang (32)**.

KPDNHEP juga telah melakukan **2,039** pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, **2,028** premis mematuhi **SOP** manakala **10** premis dikompaun.

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota penguatkuasa KPDNHEP di peringkat peruncit dan pemborong mendapati **bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi**.

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN LUAR NEGERI
KLUSTER KESELAMATAN

27 JULAI 2021